

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 MAC 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 13

Modul TVET perlu pelan perancangan bersasar

RH Rabu, 9 Mac 2022

MindaPembaca

13

Modul TVET perlu pelan perancangan bersasar

Zamri Nafij
Universiti Islam
Antarabangsa
(UIAM)
Gambang

Beberapa hari lalu, Perdana Menteri mengumumkan kerajaan bercadang memperkenalkan subjek Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) kepada pelajar bermula dari Tingkatan Satu.

Ini adalah langkah masa depan yang perlu diberi perhatian. Umum sudah mengetahui, TVET adalah proses pendidikan dan latihan yang mempunyai cita-cita berbeza dengan pendidikan berteraskan pendidikan bilik darjah.

Ia lebih berpaksi kepada latihan industri yang lebih fokus kepada penghasilan tenaga kerja dengan berkemahiran tertentu.

Sekitar 20 tahun lalu, TVET sering digelar sebagai pendidikan alternatif. Lepasan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang kurang menyerlah dalam akademik, maka di sinilah tempat mereka.

Mereka yang cemerlang dalam SPM melanjutkan pelajaran di universiti awam dan kolej tertentu. Bagi lepasan SRP pula, mereka boleh memasuki institut kemahiran kendalian swasta dan kerajaan.

Pandangan umum ketika itu, TVET hanya untuk mereka yang terciri dalam SRP dan SPM semata-mata. Namun, dunia berubah dengan pantas, TVET juga berubah mengikut kehendak peredaran masa.

Apa yang lebih penting ialah, modul TVET perlu menyediakan pelan perancangan bersasar untuk menggabungkan pembangunan kerjaya dan kemahiran lebih komprehensif. Hala tuju dan matlamat asal perlu jelas dalam membina ekosistem TVET yang lebih berdaya saing.

Penyediaan pasaran buruh dan tenaga kerja berkemahiran tinggi adalah landasan untuk mencapai negara maju. Sudah sampai masa Malaysia menyediakan tenaga buruh tempatan tanpa bergantung kepada negara asing.

Penggunaan buruh tempatan secara total dapat menyelesaikan masalah struktur pasaran buruh yang tidak seimbang.

Pasaran buruh yang stabil akan meningkatkan nilai pelaburan negara. Jika ini berlaku, ia adalah indikator yang baik untuk bergerak bagi mencapai sebuah negara maju.

Sebagai sebuah negara yang sedang pesat mem-

bangun, graduan TVET perlu merebut peluang se-dia ada kerana negara memerlukan ramai tenaga mahir dalam bidang industri. Kelebihan institusi TVET pula menawarkan kemahiran yang memang menjadi rebutan banyak syarikat pada hari ini.

Terdapat juga, dalam kalangan lepasan TVET berjaya mewujudkan peluang pekerjaan baharu. Ini sesuatu yang wajar dipertimbangkan bagi me-latarkan Pendidikan TVET dalam arus perdana pendidikan.

Bajet 2022 yang diumumkan tahun lalu, mem-peruntukkan RM6.6 bilion bagi memperkasa bi-dang pendidikan TVET.

Angka ini mencerminkan hasrat kerajaan me-nyediakan peluang dan ruang bagi memperlakukan lagi bidang kemahiran vokasional.

Pendidikan TVET memang layak diberi penekan-an dan perhatian khusus kerana bidang ini dapat berfungsi sebagai antara pemangkin untuk mem-bangunkan bakat berkemahiran tinggi negara.

TVET juga mampu memenuhi keperluan ekono-mi negara dan seterusnya bergerak ke gerbang kemakmuran negara dengan lebih manapun.

Sistem berteraskan TVET perlu memberi pene-kanan kepada isu menambah baik kurikulum la-

tihan dan meningkatkan kemahiran tenaga pengajar.

TVET juga perlu bergerak ke hadapan dengan menyediakan fasiliti serta peralatan yang lebih moden. Ini sebagai memenuhi kehendak pasaran kerja yang berkembang pesat.

Dalam dunia serba mencabar ini, TVET dilihat penting untuk memastikan kelangsungan pembangunan tenaga kerja berkaitan vokasional dan teknikal pada era Revolusi Industri 4.0.

Isu penggunaan teknologi hijau dalam menjaga kelestarian kehidupan juga perlu diberi perhatian. Kemudahan dan perkongsian pengetahuan ma-hupun teknologi perlu seiring dengan perkemba-gan dunia industri semasa.

Itulah cabaran TVET yang menjadi inti pati dalam menjayakan hasrat kerajaan tanpa melupakan kehendak pasaran dan masyarakat.

Perancangan yang berterusan dengan mengambil kira kehendak pasaran dan memenuhi tuntutan ekonomi negara diharap meningkatkan kewibawa-an lepasan TVET.

Tanpa melupakan misi utama, iaitu menghasilkan tenaga kerja kompeten dalam bidang yang mengikuti kehendak pasaran.



Pelajar TVET mempunyai masa depan cerah dalam pasaran tenaga kerja negara (Foto ilustrasi)